



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**09 November 2024
07 Jumadilawal 1446H**

[Redacted]	
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Dua nelayan ditahan, 200kg ikan dirampas
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		26	9-11-2024

Dua nelayan ditahan, 200kg ikan dirampas

Siti M 526, 9/11/24

GEORGE TOWN - Sebuah bot nelayan tempatan bersama 200 kilogram (kg) hasil tangkapan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang selepas didapati menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.

Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kepten Maritim Razali Kasim berkata, bot nelayan kelas C itu ditahan pada kedudukan 6.3 batu nautika tenggara Pulau Kendi di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, pada awalnya bot peronda melakukan rutin penguatkuasaan sebelum melakukan pemeriksaan terhadap bot terbabit yang sedang melakukan aktiviti menangkap ikan.

"Bot penguat kuasa menghampiri bot nelayan berkenaan dan mendapati mereka sedang melakukan aktiviti perikanan pada kedudukan bawah 15.0 batu nautika yang mana ia tidak mengikut syarat sah lesen kelas C.

"Bot terbabit yang berada pada kedudukan 6.3 batu nautika di bahagian tenggara Pulau Kendi itu diperiksa selanjutnya dan mendapati dua kru tempatan berumur antara 49 hingga 61 tahun sedang bekerja di atas bot berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini pada Jumaat.

Razali berkata, tangkapan dibuat susulan mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) mengikut Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen di mana mereka menangkap ikan pada kedudukan bawah 15.0 batu nautika.

Kesemua kru, vesel dan hasil tangkapan dianggarkan 200kg itu telah diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia Pulau Pinang untuk siasatan lanjut.

